

84. Murid-murid tahun enam mengadakan lawatan ke Planetarium Negara. Mereka ke _____ dengan menaiki bas.
A ini
B itu
C sini
D sana
85. Sejak tadi, Ai Ling asyik termenung sambil menongkat dagu. Mungkin ada _____ masalah yang sedang difikirkannya.
A segala
B sesuatu
C separuh
D sebahagian
86. _____ rakyat Malaysia memainkan peranan yang penting dalam memastikan keharmonian negara sentiasa terpelihara.
A Suku
B Segala
C Seluruh
D Setengah
87. Pada waktu malam, Bangunan Sultan Abdul Sama akan _____ cahaya lampu yang berwarna-warni.
A dipenuhi
B dilimpahi
C dilengkapi
D ditenggelami
88. Semangat kental yang dimiliki oleh peserta kayak itu membolehkannya _____ jeram itu.
A mengairi
B melawan
C mengharungi
D menyeberangi
89. Burung undan itu _____ ikan yang timbul di permukaan air sungai itu.
A menarik
B meragut
C merampas
D menangkap
90. Sharmila _____ selepas menamatkan acara lumba lari 400 meter.
A terkial-kial
B terlayang-layang
C termengah-mengah
D terbongkok-bongkok